

04/12/1997

Labuan perlu 20,000 pohon pelindung

LABUAN, Rabu - Sebanyak 20,000 pohon pelindung akan ditanam di Wilayah Persekutuan Labuan dengan tumpuan khusus di pusat bandar, mulai sekarang sehingga tahun 2000.

Ahli Parlimen Labuan, Abdol Mulok Awang Damit, sehubungan itu meminta setiap penduduk menanam sekurang-kurangnya 12 pokok dalam tempoh berkenaan bagi memenuhi sasaran yang ditetapkan kerajaan.

Jika saranan itu disambut rakyat tempatan, matlamat kerajaan akan tercapai berdasarkan jumlah penduduk Labuan sekarang yang dianggarkan 65,000 orang.

"Dalam setahun kita harus menanam 5,000 pokok untuk mencapai sasaran itu. Dengan adanya pohon pelindung termasuk pokok buah-buahan, suasana menarik dan cantik dapat diwujudkan di sekeliling kita bagi menarik lebih ramai pengunjung ke Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis penyerahan sumbangan benih pokok kepada 23 ketua kampung, komputer kepada empat sekolah dan enjin sangkut kepada dua nelayan di Taman Damai, 10 kilometer dari pusat bandar, di sini.

Majlis itu dilancarkan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid. Turut hadir Ketua Penolong Setiausaha di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Labuan, Tarmedi Omar; Ketua Pengarah Lanskap Negara, Ismail Ngah; dan Timbalan Ketua Umno Bahagian, Datuk Mohamad Omar Bledram.

Menurut Mulok, sebanyak RM6.6 juta diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) kepada Labuan bagi tujuan mencantik lanskap serta keindahan di pulau ini.

"Saya yakin jika rakyat bekerjasama menanam pokok itu, keindahan dan kebersihan dapat dipertingkatkan di pulau bebas cukai ini bagi menarik pelancong berkunjung ke sini.

"Yang penting sikap kesedaran orang ramai terhadap usaha murni ini. Semua pihak akan mendapat manfaat daripada projek itu," katanya.

Selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ingin menjadikan Labuan sebagai Pulau Taman Hijau, Mulok mahu warga Labuan menyahut saranan itu dengan memulakan penanaman pokok pelindung dari sekarang.

"Kawasan bersih, indah dan segar akan menarik pengunjung ke tempat kita dan peniaga akan mendapat faedah walaupun premis makanan mereka dibina di kawasan panas tetapi jika dilindungi pokok, sudah pasti suasana yang lebih menarik dapat diwujudkan.

"Namun kita jangan lupa aspek kebersihan ketika berada di bawah pokok sambil beristirahat bersama keluarga. Sikap menjaga kebersihan ini terpulang kepada individu bukan dipaksa oleh orang lain," katanya.

(END)